

SUMBANGAN HAJI DAUD BIN HAJI OMAR AL-LIBADI BUKIT ABAL DALAM PERKEMBANGAN TASAWUF DI KELANTAN

Oleh:
Che Zarrina Sa'ari*

Abstrak

Sejak akhir kurun ke 19 Masihi lagi, sejarah perkembangan tasawuf di negeri Kelantan memperlihatkan kemunculan tokoh-tokoh sufi tempatan yang terkenal hingga kini. Mereka ini bukan sahaja meninggalkan khazanah ilmu dan pemikiran menerusi karya-karya, tetapi kedapatan di antara mereka yang meninggalkan pusat-pusat gerakan tarekat yang bergiat cergas menyebarkan ilmu tasawuf dan juga menjalankan aktiviti kesufian. Diantara tokoh tersebut ialah Haji Daud bin Haji Omar al-Libadi yang lebih dikenali sebagai Haji Daud Bukit Abal. Artikel ini akan mengemukakan hasil kajian berkenaan beliau dengan memaparkan biodata, sumbangan karya dan pemikiran, sumbangan dalam perkembangan.

Katakunci: Haji Daud Omar al-Libadi, Tasawuf, Tarekat Ahmadiyyah, Kelantan.

Abstract

Since 19th AD century, history of development of Sufism in the state of Kelantan shows the emergence

* Che Zarrina Saari, PhD. ialah Prof Madya di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

of many famous local Sufis until nowadays. They have not even left a legacy of knowledge and thought through their respective works, but many of them have left centers of Sufi order with full initiative in dispersing the knowledge of Sufism and in carried out the activities of Sufism. Among those Sufis was Haji Daud bin Haji Omar al-Libadi who is known as Haji Daud Bukit Abal. This artikel will discuss an output of study on him that highlights his biodata, his contribution on works and thought and his contribution on the development of Ahmadiyyah order.

Keywords: Haji Daud Omar al-Libadi, Sufism, The Ahmadiyyah Order, Kelantan.

Pendahuluan

Sejak akhir kurun ke 19 Masihi lagi, sejarah perkembangan tasawuf di negeri Kelantan memperlihatkan kemunculan tokoh-tokoh sufi tempatan yang terkenal dan sumbangan mereka telah diiktiraf hingga kini. Kelompok ini bukan sahaja meninggalkan khazanah ilmu dan pemikiran menerusi karya-karya, tetapi kedapatan di antara mereka yang meninggalkan pusat-pusat gerakan tarekat yang bergiat cergas menyebarkan ilmu tasawuf dan juga menjalankan aktiviti kesufian. Namun masih ramai di kalangan mereka yang belum diketengahkan ke dalam masyarakat secara penyelidikan akademik. Di antara tokoh tersebut ialah Haji Daud bin Haji Omar al-Libadi yang lebih dikenali sebagai Haji Daud Bukit Abal atau Tok Guru Haji Daud. Oleh itu, artikel ini akan mengemukakan hasil kajian berkenaan beliau dengan memaparkan biodata dan sumbangannya dalam pemikiran dan perkembangan tasawuf terutama Tarekat Ahmadiyyah di Kelantan.

Biodata Haji Daud Bin Haji Omar al-Libadi Bukit Abal

Sejarah Kelantan telah memperlihatkan kemunculan Tarekat Ahmadiyyah dan salah sebuah pusat gerakannya terletak di Bukit Abal, sebuah kampung yang terletak berhampiran

bandar Pasir Puteh, Kelantan. Tokoh yang bertanggung-jawab dalam perkembangan pusat tersebut ialah Haji Daud bin Haji Omar al-Libadi, seorang syeikh Tarekat terpenting selepas generasi Haji Wan Musa bin Haji Abdul Samad al-Kelantani (Tuan Tabal)¹ dari *silsilah* Abu Hasan al-Azahari.²

Haji Daud dilahirkan pada tahun 1903M. di Kampung Limbat, iaitu sebuah kampung yang berdekatan dengan Pondok Pasir Tumbuh. Gelaran al-Libadi digunakan sempena nama Kampung Limbat, tempat kelahirannya. Semasa kecil beliau diasuh oleh bapanya dengan pendidikan agama dan ketika berusia dua belas tahun beliau dihantar untuk belajar dengan Haji Othman bin Haji Muhammad atau gelarannya Tok Bachok.³ Semasa tinggal di situ, beliau

¹ Haji Wan Musa dilahirkan di Lorong Tok Semian, Kota Bharu. Bapanya, Tuan Tabal melihat beliau mempunyai kebolehan dan berhemah tinggi untuk mempelajari ilmu agama. Oleh itu, bapanya telah menaruh harapan agar beliau dapat mewarisi ilmu-ilmu dan amalannya nanti. Selepas perpindahan bapanya, Haji Wan Musa melanjutkan pelajarannya ke Tanah Suci Mekah selama lima tahun. Di sana beliau sempat berguru dengan seorang ulama terkenal Asia Tenggara iaitu Haji Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani yang kemudiannya telah mendorong beliau mengikuti perkembangan politik dunia. Lihat Wan Muhammad Saghir Abdullah (1980). *Sufi dan Wali Allah: Pusaka Sheikh Wan Ahmad b. Muhammad Zain b. Mustapha al-Patani*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press, hlm. 29-30.

² Beliau mula muncul di Kelantan kira-kira pada akhir tahun 1917M., dan merupakan seorang pemimpin Tariqat Ahmadiyyah yang berasal dari Mekah. Beliau adalah murid Syeikh Muhammad al-Dandarawi yang dihantar ke India untuk mengembangkan Tariqat Ahmadiyyah, tetapi kemudiannya berkunjung ke Tanah Melayu. Lihat Che Zarrina Sa'ari (1993). "Tariqat Ahmadiyyah: Suatu Kajian di Negeri Kelantan Darul Naim", Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, hlm. 176. Wawancara dengan Mustapha bin Muhammad al-Jiasi. Mustapha ialah salah seorang pengikut ajaran Tariqat Ahmadiyyah yang dibawa oleh Syeikh Azahari dan pernah menjadi murid setia kepada Haji Daud. Bukit Abal. Beliau kini telahpun meninggal dunia. Wawancara pada 30 Ogos 1989.

³ Ismail Awang (Mei 1978). "Haji Daud Bukit Abal". *Pengasuh*, bil. 433, hlm. 54. Kenyataan ini diperkuatkan lagi dengan wawancara penulis dengan Haji Muhammad Ridha Haji Daud yang kini menjadi syeikh Tarekat Ahmadiyyah di Bukit Abal menggantikan bapanya, Haji Daud. Wawancara ini diadakan di rumah beliau di Bukit Abal pada 29 Ogos 1989.

diajar untuk hidup sederhana, dan sentiasa beribadah kepada Allah SWT serta menunaikan solat berjemaah. Suasana ini membentuk peribadinya menjadi seorang yang saleh dan mulia. Kemudian apabila mencapai umur lima belas tahun, beliau belajar pula kepada Tok Kenali yang terkenal pada ketika itu. Beliau juga pernah berguru kepada Haji Omar Sungai Keladi dan ketika berada di Kota Bharu, beliau belajar pula dengan Haji Nik Abdullah bin Haji Wan Musa yang beramal dengan Tarekat Ahmadiyyah. Haji Nik Abdullah adalah orang pertama memperkenalkan Tarekat Ahmadiyyah kepada Haji Daud.

Walaupun telah mendapat didikan daripada beberapa orang guru yang mengajar di Masjid Muhammadi, Kota Bharu, beliau masih belum berpuas hati dan untuk memenuhi ketidak puasannya itu, beliau berangkat ke India. Tidak lama kemudian, bapa saudaranya Haji Wan Ahmad yang lebih dikenali dengan Haji Awang Limbat telah memanggilnya kembali ke Kelantan.⁴ Sikap Haji Wan Ahmad ini mungkin ada kaitan dengan perkembangan pemikiran baru dalam Islam yang dipelopori oleh Syah Waliyullah al-Dihlawi (m. 1176H.) atau mungkin juga kerana Haji Wan Ahmad tidak mahu Haji Daud ikut terpengaruh dengan pembaharuan pemikiran tersebut.⁵

Setelah kembali dari India, beliau merantau ke negeri-negeri di Malaysia seperti Melaka, Johor, Singapura, Negeri Sembilan dan Perak untuk mencari guru. Semasa di Perak, beliau telah diberi tauliah untuk mengajar agama, tetapi beliau tidak lama di situ dan pulang semula ke Kelantan. Oleh kerana keinginannya yang kuat untuk mencari ilmu, beliau kemudiannya dengan keizinan bapa saudaranya telah pergi ke Mekah.⁶ Semasa di sana beliau mendalamai

⁴ Ismail Awang (Mei 1978). *op.cit.*, hlm. 54.

⁵ Hamdan Hassan (1985), "Tarikat Ahmadiyah di Malaysia", Tesis PhD, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 163. Tesis beliau ini telah diterbitkan, lihat *idem* (1990). *Tarekat Ahmadiyah di Malaysia: Suatu Analisis Fakta Secara Ilmiah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 216.

⁶ Wawancara penulis dengan Imam Haji Muhammad bin Yusuf di Kampung Bukit Abal pada 29 Ogos 1989.

berbagai-bagai bidang pelajaran yang berkaitan dengan agama dan yang paling beliau minati ialah ilmu tasawuf dan Tarekat. Minat ini timbul kerana beliau sudah mempunyai asas di dalam bidang tersebut semasa menuntut dengan Haji Nik Abdullah. Oleh itu, beliau bukan setakat mempelajarinya sahaja, malah beliau ikut menjadi *ikhwān*⁷ (ahli) Tarekat Ahmadiyyah yang dipelopori oleh Syeikh Ahmad Ibn Idris.⁸

Penglibatan Haji Daud bin Omar Dalam Tarekat Ahmadiyyah

Semasa Haji Daud berada di Mekah, terdapat dua orang ahli sufi yang masyhur dari aliran Tarekat Ahmadiyyah iaitu Haji Shafie bin Haji Salleh atau Tok Syafie.⁹ Sementara seorang lagi ialah Abū al-‘Abbās, anak Syeikh Muhammad ibn Ahmad al-Dandarāwī dari Mesir iaitu peneraju Tarekat Ahmadiyyah yang ketiga. Terdapat sumber yang menyatakan bahawa Haji Daud belajar dan menerima Tarekat Ahmadiyyah daripada Tok Syafie. Fakta ini disokong dengan kenyataan-kenyataan yang menunjukkan bahawa pelajar-pelajar dari Kepulauan Melayu, lebih-lebih lagi dari Semenanjung Tanah Melayu kebanyakannya belajar kepada Tok Syafie yang mengajar dalam Bahasa Melayu.¹⁰ Menurut keterangan Haji Mansor bin Muhammad Said, seorang syeikh Tarekat Ahmadiyyah di Negeri Sembilan,

⁷ Kumpulan tariqat ini lebih gemar menggunakan istilah *ikhwān* kerana ianya banyak menekankan konsep ikatan persaudaraan. Oleh itu soal-soal sedemikian sering dititik-beratkan sama ada ikatan antara murid dengan guru atau murid sesama murid. Istilah pengikut atau ahli tidak digunakan kerana ia tidak melambangkan sikap berkasih sayang, tolong menolong dan ikatan yang erat sesama mereka. Lihat Che Zarrina Sa'ari (1990), "Sejarah Perkembangan Tariqat Ahmadiyah di Pasir Puteh, Kelantan". Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Universiti Malaya, yang tidak diterbitkan, hlm. 70.

⁸ Lihat kajian mengenai beliau dalam Che Zarrina Sa'ari (Jun 2000). "Biografi Shaikh Ahmad b. Idris dan Sumbangannya Terhadap Alam Kesufian", AFKAR, Bil. 1, Jab. Akidah dan Pemikiran Islam. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, hlm. 33-54.

⁹ Tok Syafie berasal dari Kedah.

¹⁰ Wawancara dengan Haji Muhammad Ridha Hj. Daud, anak Haji Daud pada 29 Ogos 1989.

beliau kenal baik dengan Haji Daud kerana Haji Daud selalu saja melawat rumahnya tetapi tidak pernah pergi berzikir di rumah Abū al-'Abbās sebagaimana yang dilakukan oleh keluarga Haji Mansor.¹¹

Maklumat ini menunjukkan Haji Daud tidak menerima Tarekat tersebut dari keturunan Syeikh Muḥammad al-Dandarāwī, tetapi menerimanya daripada Tok Syafie. Keterangan ini diperkuatkan lagi dengan pengakuan Haji Daud sendiri bahawa beliau menerima Tarekat ini daripada Tok Syafie.¹² Di samping itu, terdapat juga kenyataan bahawa Haji Daud menerima *talqin* Tarekat Ahmadiyyah daripada Abu Hasan al-Azhari. Kenyataan ini diakui oleh murid Haji Daud sendiri, iaitu Ustaz Mustapha bin Muhammad al-Jiasi.¹³ Selain dari itu, ada bukti lain bagi menyokong kenyataan ini, di mana *ikhwān* kumpulan Bukit Abal sering mengadakan majlis *hawl* untuk Syeikh Azahari pada setiap tahun.¹⁴

Pada pendapat penulis, perselisihan fakta mengenai siapakah guru Tarekat Ahmadiyyah bagi Haji Daud sebenarnya hanyalah dari sudut teori sahaja. Apa yang pasti, Haji Daud pernah mempelajari Tarekat Ahmadiyyah daripada Tok Syafie ketika berada di Mekah. Apabila kembali ke Kelantan, beliau mempelajari dan menerimanya sekali lagi daripada Syeikh Azahari. Oleh itu, kenyataan bahawa kedua-duanya adalah guru kepada Haji Daud adalah benar.

Sumbangan Haji Daud bin Omar dalam Penyebaran Ilmu di Kelantan

Haji Daud kembali ke Kelantan setelah lapan tahun berada di Mekah dengan hasrat untuk mengembalikan

¹¹ Haji Mansor ialah anak Muhammad Said bin Jamaluddin al-Lingga yang belajar di Mekah, Hamdan Hassan (1985), *op.cit.*, hlm. 164; lihat juga Hamdan Hassan (1990), *op.cit.*, hlm. 44, 54.

¹² *Ibid.*, hlm. 165.

¹³ Wawancara dengan Ustaz Mustapha Muhammad al-Jiasi pada 30 Ogos 1989.

¹⁴ Wawancara dengan Muhammad Ridha bin Haji Daud pada 29 Ogos 1989.

kegemilangan pondok yang dibuka oleh Haji Wan Ahmad di Bukit Abal. Pondok tersebut terbiar setelah Haji Wan Abdullah iaitu sepupu Haji Daud meninggalkan negeri Kelantan ke India. Pondok tersebut hidup kembali dan berkembang sehingga perang Dunia Kedua meletus pada tahun 1941 yang menyebabkan Haji Daud bersama Imam Haji Muhammad bin Yusuf pergi ke Kusial, Ipoh, Kelantan.¹⁵ Tetapi pada tahun 1943, beliau kembali semula ke Pasir Puteh dan tinggal di Padang Pak Amat sambil mengajar penduduk kampung berkenaan. Pada tahun 1945 beliau kembali ke Bukit Abal dan membuka sebuah sekolah Arab dengan menukarnya dari pendidikan secara pondok kepada sistem persekolahan. Sekolah tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan dari orang ramai tetapi kemudiannya terpaksa ditutup pada tahun 1953 kerana masalah kewangan. Kemudiannya sekali lagi Haji Daud meninggalkan Bukit Abal dan kembali semula pada tahun 1965 untuk mengajar orang ramai tentang ilmu agama, ilmu tasawuf termasuk ajaran Tarekat Ahmadiyyah.¹⁶

Pada awal-awal tahun pertamanya, sambutan dari masyarakat tempatan terhadap pengajarannya kurang menggalakkan. Menurut Mustapha bin Muhammad al-Jiasi, salah seorang muridnya, pada tahun 1967 beliau sendiri pernah belajar secara berseorangan dengan Haji Daud. Tetapi bermula tahun 1968, orang ramai mula mengunjunginya termasuk juga yang datang dari negeri Perak, Johor dan lain-lain.¹⁷ Pada mulanya beliau mengajar di surau, tetapi dengan pertambahan murid yang datang untuk belajar, beliau terpaksa mendirikan sebuah masjid. Di masjid inilah Haji Daud mengajar kitab *Minhāj al-Ābidīn* karangan Imam al-Ghazālī terjemahan Bahasa Melayu dan *Sharḥ Kitāb Ḥikam*. Di samping itu, beliau sendiri telah

¹⁵ Wawancara dengan Imam Haji Muhammad bin Yusuf pada 29 Ogos 1989.

¹⁶ Wawancara dengan Muhammad Ridha bin Haji Daud pada 29 Ogos 1989.

¹⁷ Wawancara dengan Ustaz Mustapha Muhammad al-Jiasi pada 30 Ogos 1989.

menghasilkan *Siri Risalah Tasawwuf* yang dikatakan hasil daripada pengajarannya di masjid setiap pagi Jumaat.¹⁸ Selain itu beliau turut mengajar ilmu syariah, ilmu usuluddin, ilmu tasawuf dan juga banyak memberi penerangan tentang ilmu Tarekat. Beliau turut menghasilkan sebuah buku kecil yang diberi nama *Risālah al-‘Aqā’id wa al-Fawā’id* mengandungi susunan zikir yang diamal oleh beliau. Beliau telah melaksanakan zikir *halaqah* dengan mengadakan majlisnya pada setiap malam Jumaat. Zikir yang diamalkan selepas solat Maghrib ini tidak hanya disertai oleh penduduk di sekitar masjid tersebut sahaja, malahan juga disertai oleh orang ramai dari seluruh negeri Kelantan yang berminat dengan amalan ini. Mereka terdiri dari berbagai golongan termasuk pegawai-pegawai kerajaan, orang-orang yang berpelajaran agama dan sebagainya.¹⁹

Haji Daud mempunyai pandangan tersendiri dalam beberapa perkara berkaitan agama. Pada suatu ketika timbul kegemparan di kalangan anak muridnya ketika beliau mengemukakan pandangan mengenai "mata dalam". Oleh kerana mereka tidak pernah mendengar tentang perkara tersebut, orang ramai mula menjadi keliru. Menurut beliau, dalil-dalil yang dapat disaksikan dengan pancaindera tidak cukup untuk membuktikan wujudnya Allah Taala, malahan ia mesti disempurnakan dengan pandangan "mata dalam".²⁰ Kemudiannya pada tahun-tahun 1970an beliau sekali lagi menggemparkan negeri Kelantan apabila beliau dan murid-muridnya yang setia berpuasa dan menyambut Hari Raya dengan perkiraan hisab dan bukannya rukyah. Hasilnya beliau dan pengikut-pengikutnya berpuasa dan berhari raya pada hari-hari yang berlainan dengan hari-hari yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Kelantan. Pada tahun 1975, masalah tersebut dibicarakan di Mahkamah Syariah,

¹⁸ Wawancara dengan Haji Sa’ari Hussain pada 2 Jun 2005.

¹⁹ Wawancara dengan Ustaz Mustapha bin Muhammad al-Jiasi pada 30 Ogos 1989.

²⁰ Haji Daud b. Haji Omar al-Libadi (t.thn.), *Siri Risalah Tasawwuf*, t.t.p., t.p., t. hlm; lihat juga Hamdan Hassan (1985), *op.cit.*, hlm. 175-176; Che Zarrina Sa’ari (1990), *op.cit.*, hlm. 76.

tetapi tidak sempat diselesaikan kerana kematian beliau pada tahun tersebut.²¹ Kematian beliau telah ditangisi oleh orang ramai terutama anak muridnya yang ramai sehingga dikatakan semasa pengebumiannya hendak dijalankan, jalanraya-jalanraya yang dilalui jenazahnya dipenuhi oleh orang ramai kerana masing-masing ingin mengiringi jenazahnya ke tempat persemadiannya.

Beberapa Amalan Zikir Tarekat Ahmadiyyah Pimpinan Haji Daud bin Omar

Sebagaimana *ikhwān* Tarekat Ahmadiyyah yang lain, Haji Daud juga turut mengamalkan *awrād* asasi Tarekat Ahmadiyyah yang disusun oleh Syeikh Ahmad Ibn Idris, pengasas tarekat ini. Zikir ini terdiri daripada empat jenis iaitu:

i. *Fātiḥah al-Awrād*

Zikir asas yang pertama iaitu *Fātiḥah al-Awrād* yang bermaksud “permulaan semua wirid” yang dibaca setiap kali berzikir dan ketika memulakan sesuatu pekerjaan seperti solat, membaca, menulis dan lain-lain lagi. Bacaannya ialah:

اللَّهُمَّ إِنِّي أُقْدِمُ إِلَيْكَ بَيْنَ يَدَيْنِ كُلَّ نَفْسٍ وَلَمْحَةٍ وَطَرْفَةٍ يَطْرُفُ بِهَا
أَهْلَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَكُلُّ شَيْءٍ هُوَ فِي عِلْمِكَ كَائِنٌ أَوْ كَانَ
أَقْدَمُ إِلَيْكَ بَيْنَ ذَلِكَ كُلِّهِ

Bermaksud:

Ya TuhanKu, sesungguhnya aku persembahkan kepadaMu di hadapan setiap nafas makhluk dan silau kerling yang berkelip dengannya penghuni segala langit dan penghuni bumi dan setiap sesuatu yang ada di dalam ilmuMu yang tetap ada atau sesungguhnya telah ada. Aku mempersembahkan kepadaMu di hadapan itu semuanya.²²

²¹ Hamdan Hassan (1985), *op.cit.*, hlm. 175-176; Che Zarrina Sa'ari (1990), *op.cit.*, hlm. 76.

²² Terjemahan ini dipetik daripada Haji Daud bin Haji Umar al-Libadi (t.thn). *Risālah al-‘Aqā’id wa al-Fawā’id*, *op.cit.*, hlm. 89-90.

Syeikh Ahmad ibn Idris amat menggalakkan pengikut-pengikutnya supaya sentiasa berusaha mendapatkan kelebihan *Fātiḥah al-Avrād* dengan mendahului setiap amalan dengan membaca wirid ini terlebih dahulu, malahan beliau sering membacanya sebelum menunaikan solat.²³ Dalam hal ini, Haji Daud turut mengamalkan wirid ini dan menggalakkan pengikutnya untuk membacanya.

ii. *Tahlīl*

Zikir asas yang kedua ialah *tahlīl*:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ عَدَّدَ مَا وَسَعَةُ
عِلْمُ اللَّهِ

Bermaksud:

Tiada Tuhan melainkan Allah, Muhammad itu pesuruh Allah pada setiap kelip mata dan setiap nafas segala makhluk sebilangan (sebanyak) luasnya ilmu Allah.²⁴

Syeikh Ahmad ibn Idris sangat menggalakkan pengikutnya supaya membaca *tahlīl* ini seberapa banyak yang boleh atau sekurang-kurangnya sebanyak tiga kali pada setiap hari terutama selepas menunaikan solat fardū.²⁵ Haji Daud turut mengamalkan *tahlīl* ini, di samping menetapkan kepada murid-muridnya supaya berterusan mengamalkannya.²⁶

²³ Ahmad bin Muhammad Sa'id (1356H.), *al-Fuyūḍat al-Ahmadiyyah*, Singapura, hlm. 3; *Idem* (t.thn), *Avrād al-Tariqat al-Ahmadiyyah Dan Kelebihannya*, Cetakan Tien Wah, Seremban, hlm. 4.

²⁴ Terjemahan ini dipetik daripada Haji Daud bin Haji Umar al-Libadi (t.thn), *Risālah al-'Aqā'id wa al-Fawā'id*, op.cit., hlm. 90-91.

²⁵ Ahmad ibn Idris (1940), *Majmū'ah al-Āhzāb wa al-Avrād wa al-Rasā'il*, Kaherah: Maṭba'ah al-Muṣṭafā al-Bābi al-Halabi wa Awlādih, hlm. 16; Ahmad bin Muhammad Sa'id al-Lingga (t.thn.), *Farā'id al-Mā'āthir al-Marwiyyah li al-Tariqah Ahmadiyyah al-Rashidiyyah al-Dandarāwiyyah*, t.tpt.: t.p hlm. 45. Lihat Ahmad bin Muhammad Sa'id (1356H.), *al-Fuyūḍat al-Ahmadiyyah*, op.cit., hlm. 6.

²⁶ Haji Daud bin Haji Umar al-Libadi (t.thn), *Risālah al-'Aqā'id wa al-Fawā'id*, op.cit., hlm. 2

iii. *Şalawāt al-‘Azīmiyyah*

Zikir asas yang ketiga ialah *şalawāt al-‘azīmiyyah* yang turut dibaca dengan *Fatiḥah al-Awrād* dan *tahlīl*. Bacaannya adalah seperti berikut:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ بِنُورِ وَجْهِ اللَّهِ الْعَظِيمِ ، الَّذِي مَلَأَ أَرْكَانَ عَرْشِ اللَّهِ
الْعَظِيمِ ، وَقَامَتْ بِهِ عَوَالَمُ اللَّهِ الْعَظِيمِ ، أَنْ تُصَلِّيَ عَلَى مُولَانَا مُحَمَّدَ
ذِي الْقُدْرَةِ الْعَظِيمِ ، وَعَلَى آلِ نَبِيِّ اللَّهِ الْعَظِيمِ ، بِقُدْرَةِ عَظَمَةِ دَاتِ اللَّهِ
الْعَظِيمِ ، فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ عَدَدَ مَا فِي عِلْمِ اللَّهِ الْعَظِيمِ ، صَلَادَةٌ
دَائِمَةٌ بِدَوَامِ اللَّهِ الْعَظِيمِ ، تَعْظِيمًا لِحَقِّكَ يَامُولَانَا يَامُحَمَّدُ يَا إِدَّا الْحَلْقِ
الْعَظِيمِ ، وَسَلَمٌ عَلَيْهِ وَعَلَى آلِهِ مِثْلِ ذَلِكَ ، وَاجْمَعْ بَيْنِي وَبَيْنِهِ كَمَا
جَمَعْتَ بَيْنَ الرُّوحِ وَالنَّفْسِ ظَاهِرًا وَبَاطِنًا يَقْطَةً وَمَنَامًا وَاجْعَلْهُ يَا رَبَّ
رُوحًا لِذَاتِي مِنْ جَمِيعِ الْوُجُوهِ فِي الدُّنْيَا قَبْلَ الْآخِرَةِ يَا عَظِيمُ

Bermaksud:

Ya Allah, sesungguhnya aku pohonkan [kepada] Engkau dengan nur wajah (zat) Allah yang Maha Besar yang [memenuhi segenap] sudut ‘arash Allah yang Maha Besar dan tegap denganNya itu segala alam Allah yang Maha Besar. Semoga Engkau rahmati ke atas penghulu kami Nabi Muhammad [yang mempunyai] darjat yang maha besar dan ke atas keluarga Nabi Allah yang Maha Besar dengan kadar kebesaran zat Allah yang Maha Besar pada [setiap] silau atau kelip mata dan nafas sebilangan apa [yang ada] dalam ilmu Allah yang Maha Besar, sebagai rahmat yang berkekalan dengan kekalnya Allah yang Maha Besar kerana membesarkan hak kau wahai Penghulu kami, wahai Muhammad, wahai [orang yang mempunyai] peribadi yang maha besar dan sejahterakanlah ke atasnya dan ke atas keluarganya seumpama itu dan himpukan di antara aku dan diantaranya [Muhammad] sebagaimana

Engkau himpukkan diantara roh dan jasad pada zahir dan batin, pada masa jaga dan masa tidur dan jadikanlah Baginda [Muhammad] wahai Tuhanmu, roh (sejawa) bagi zatku daripada segala segi baik amalan atau akhlak di dunia lagi sebelum akhirat, wahai yang Maha Besar.²⁷

Haji Daud telah turut mengamalkan *salawāt* ini di samping kedua-dua wirid di atas, malah mengarahkan pengikutnya supaya menghafalnya.²⁸

iv. *Al-Istighfār al-Kabīr*

Zikir asas keempat ialah *al-istighfār al-kabīr* yang bacaannya adalah seperti berikut:

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ ، غَفَارُ الذُّنُوبِ
ذَا الْجَلَالِ وَالْكَرْمِ ، وَأَنُوبُ إِلَيْهِ مِنْ جَمِيعِ الْمَعَاصِي كُلَّهَا
وَالذُّنُوبِ وَالآثَامِ ، وَمِنْ كُلِّ ذَلِكَ أَذْبَثْتُهُ عَمَدًا وَخَطَا ظَاهِرًا
وَبِإِيَّا ، قَوْلًا وَفَعْلًا ، فِي جَمِيعِ حَرَكَاتِي وَسَكَنَاتِي وَخَطْرَاتِي
وَأَنْفَاسِي كُلَّهَا دَائِمًا أَبْدَا سَرْمَدًا ، مِنَ الذَّنْبِ الَّذِي أَعْلَمُ ، وَمِنَ
الذَّنْبِ الَّذِي لَا أَعْلَمُ ، عَدَدُ مَا أَحَاطَ بِهِ الْعِلْمُ وَأَخْصَاءُ الْكِتَابِ ،
وَخَطْهُ الْقَلْمَنْ ، وَعَدَدُ مَا أُوجَدَتِهِ الْقُدْرَةُ وَخَصْصَتِهِ الْإِرَادَةُ ، وَمَدَادُ
كَلِمَاتِ اللَّهِ ، كَمَا يَتَبَغِي لِجَلَالِ وَجْهِ رَبِّنَا وَجَمَالِهِ وَكَمَالِهِ ، وَكَمَا
يُحِبُّ رَبِّنَا وَيَرْضَى

Bermaksud:

Aku pohon ampun kepada Allah yang Maha Besar yang tiada Tuhan melainkan Allah yang hidup Pengawal dan Pentadbir Maha Pengampun segala dosa, [mempunyai] sifat *Jalāl* dan kemurahan. Dan Aku bertaubat kepadaNya daripada [segala] maksiat seluruhnya, dan segala dosa dan segala kesalahan. Dan dari kesemua dosa yang telah aku lakukan

²⁷ Terjemahan ini dipetik daripada Haji Daud bin Haji Umar al-Libadi (t.thn), *Risālah al-‘Aqā’id wa al-Fawā’id*, op.cit., hlm. 91-93.

²⁸ *Ibid.*

[secara] sengaja dan tersalah [sama ada] pada zahir [mahupun] batin, kata-kata dan perbuatan, pada seluruh gerak geriku, diamku dan lintasan [hati]ku dan segala nafasku semuanya sentiasa berkekalan selama-lamanya, dari dosa yang aku ketahui dan [juga] dosa yang aku tidak ketahui sebilangan apa yang diliputi dengannya oleh ilmu Allah, dan yang dicatat [dalam] kitab dan yang digariskanNya oleh kalam, dan sebilangan apa yang diadakanNya oleh kekuasaan Allah dan ditentukannya oleh kehendak Allah, dan sebanyak dakwat kalimah Allah sepertimana [layaknya] bagi sifat *Jalāl Wajah* (Zat) Tuhan kami dan *Jamāl*Nya dan kesempurnaanNya, dan sebagaimana yang dikasihi oleh Tuhan kami dan Dia redai.²⁹

Haji Daud mempertegaskan kesesuaian penggunaan nama *al-istighfār al-kabīr* ini dengan menyatakan bahawa ia mengandungi himpunan makna-makna *istighfār* yang lain.³⁰ Pengikut-pengikutnya dianjurkan supaya membacanya setiap kali selepas menuaikan solat fardu lima kali sehari.³¹

Selain daripada zikir dan wirid asasi di atas, Haji Daud mempunyai himpunan zikir dan wirid tersendiri yang dikumpul dan disusun oleh beliau sendiri untuk diamalkan olehnya dan pengikut-pengikutnya. Zikir dan wirid ini perlu diamalkan setiap hari oleh mereka yang terdiri antaranya *Wirid 700*, *Musabba'ah al-'Asharah* dan *Muthabbat al-Azahāriyyah*.

(i) *Wirid 700*

Haji Daud menamakan wirid tersebut sebagai *Wirid 700* kerana ia mengandungi tujuh bentuk wirid dan setiap *wirid* itu dibaca sebanyak 100 kali. Apabila keseluruhan *wirid* itu

²⁹ Terjemahan ini dipetik daripada Haji Daud bin Haji Umar al-Libadi (t.thn). *Risālah al-'Aqā'id wa al-Fawā'id*, op.cit., hlm. 93-96.

³⁰ Haji Daud bin Haji Umar al-Libadi (t.thn), *Risālah al-'Aqā'id wa al-Fawā'id*, op. cit., hlm. 4; lihat juga Ahmad bin Muhammad Sa'id al-Lingga (t.thn.), op.cit., hlm. 56; Ahmad bin Muhammad Sa'id (1356H.), *al-Fuyūḍāt al-Āḥmadiyyah*, op.cit., hlm. 18.

³¹ Ahmad bin Muhammad Sa'id (1356H.), *al-Fuyūḍāt al-Āḥmadiyyah*, op.cit., hlm. 39.

dicampur, maka kesemuanya berjumlah 700. Bacaan *Wirid* 700 tersebut adalah seperti berikut:³²

(i) سُبْحَانَ اللَّهِ	100 kali
(ii) الْحَمْدُ لِلَّهِ	100 kali
(iii) لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ	100 kali
(iv) اللَّهُ أَكْبَرُ	100 kali
(v) سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَاللَّهُ أَكْبَرُ	100 kali
(vi) لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ فِي كُلِّ خَلْقٍ وَنَفْسٍ عَدْدٌ مَا وَسَعَهُ عِلْمُ اللَّهِ	100 kali
(vii) اللَّهُمَّ صَلِّ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آتِكَ فِي كُلِّ خَلْقٍ وَنَفْسٍ عَدْدٌ مَا وَسَعَهُ عِلْمُ اللَّهِ	100 kali

Haji Daud mengambil masa bertahun-tahun lamanya untuk menyusun dan mengemukakan *wirid-wirid* tersebut. Ia disusun berdasarkan pengalaman dan keberkesanan *wirid-wirid* itu terhadap peningkatan kerohanian pengamalnya. Pada mulanya, *wirid-wirid* itu hanya diamalkan oleh beliau sendiri, tetapi kemudiannya beliau mengijazahkannya kepada murid-muridnya satu persatu supaya mereka turut mendapat kelebihan-kelebihan *wirid* tersebut. Menurut Ustaz Mustapha Muhammad al-Jiasi, pengamal *wirid-wirid* tersebut mengharapkan pengampunan dosa di samping mendekatkan diri kepada Allah Taala. Malah mereka meyakini bahawa bagi sesiapa yang mengamalkannya dengan penuh keikhlasan dan bersungguh-sungguh kerana Allah Taala, mereka akan memperolehi *wāridat*,³³ *kashf* dan lain-lain.³⁴

(ii) *Muthabbat al-Azahariyah*³⁵

Ustaz Yahya Abdul Salam, seorang pengamal Tarekat Ahmadiyyah, memberitahu bahawa kebanyakan pengikut

³² Haji Daud bin Haji Umar al-Libadi (t.thn), *Risalah al-'Aqai'id wa al-Fawa'id*, op.cit., hlm. 104.

³³ *Wāridat*: Hakikat kerohanian atau ghaib yang diilhamkan ke dalam hati seseorang *sālik* tanpa mengetahui lebih awal kedatangannya. Amatullah Armstrong (1995), *Sufi Terminology (al-Qamus al-Sufi): The Mystical Language of Islam*, Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, hlm. 259.

³⁴ Wawancara dengan Ustaz Mustapha bin Muhammad al-Jiasi pada 26 Disember 1992.

³⁵ Haji Daud bin Haji Umar al-Libadi (t.thn), *Risalah al-'Aqai'd wa al-Fawa'id*, op.cit., hlm. 114-119.

Syeikh al-Azahari pernah menerima satu zikir yang dikenali sebagai *Muthabbat al-Azahāriyyah* yang dibaca selepas solat Subuh dan Maghrib. Wirid ini merupakan gabungan beberapa doa yang *ma'thūr* daripada hadith-hadith *sahih* yang mempunyai kelebihan yang banyak. Haji Daud dan pengikut-pengikutnya telah mengamalkan zikir ini sebagaimana yang dianjurkan oleh Syeikh al-Azahari tersebut. Bacaan zikir ini adalah seperti beikut:³⁶

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ
 (٣ كali) اللَّهُمَّ أَلْتَ السَّلَامَ وَمِنْكَ السَّلَامُ تَبَارَكْتُ وَتَعَالَيْتَ يَا ذَا
 الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ (سکali) اللَّهُمَّ أَعُنَا عَلَى ذِكْرِكَ وَشَكْرِكَ وَحُسْنِ
 عَبَادَتِكَ (سکali) اللَّهُمَّ أَجْرِنَا مِنَ النَّارِ (٧ كali) اللَّهُمَّ لَا مَانِعَ لِمَا
 أَعْطَيْتَ وَلَا مَعْطِيَ لِمَا مَعْتَ وَلَا يَنْفَعُ ذَا الْجَدَّ مِنْكَ الْجَدُّ (سکali)
 لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي
 وَيُمْتَنِّي وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ (١٠ كali)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ، إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ وَمَا أَدْرَاكَ مَا
 لَيْلَةُ الْقَدْرِ ، لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ شَهْرٍ ، تَنَزَّلُ الْمَلَائِكَةُ وَالرُّوحُ
 فِيهَا يَأْذِنُ رَبُّهُمْ مِنْ كُلِّ أَمْرٍ ، سَلَامٌ هِيَ حَتَّى مَطْلَعِ الْفَجْرِ (٣ كali)

Selepas itu, perlu dibaca Surah *al-Qadar* sebanyak 3 kali dan kemudiannya meletak tapak tangan kanan ke atas ubun-ubun sambil membaca:

³⁶ Yahya bin Abdul Salam (t.thn), *Awrad al-Awliya'*, t.tpt.. t.p., hlm. 13-19. Risalah ini adalah dalam bentuk manuskrip yang merupakan hasil tulisan tangan Ustaz Yahya sendiri. Penulis memperolehinya daripada beliau sendiri yang kini telahpun meninggal dunia.

أَعُوذُ بِاللَّهِ السَّمِيعِ الْعَلِيمِ مِنِ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ (٣ كالي)

هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْمَلِكُ الْقَدُوسُ السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ الْمُهَبِّمُ
الْغَرِيزُ الْجَبَارُ الْمُتَكَبِّرُ سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ ، هُوَ اللَّهُ الْحَالِقُ
الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى يُسَبِّحُ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ
وَالْأَرْضِ وَهُوَ الْغَرِيزُ الْحَكِيمُ (سكالي)

Selepas itu perlu ditarik tangan ke dahi sambil membaca:

**بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا إِلَهَ غَيْرُهُ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ، اللَّهُمَّ اذْهِبْ عَنِّا الْهَمُ
وَالْحَزَنَ وَالْغُمَّ (سكالي)**

Dan seterusnya menyapu muka sambil membaca:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنِ الْهَمِّ وَالْحَزَنِ ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنِ الْعَجْزِ
وَالْكَسْلِ ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنِ الْجُبْنِ وَالْبُخْلِ ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنِ غَلَبةِ
الَّذِينَ وَقَهَرُ الرِّجَالِ (٣ كالي)

**سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ سُبْحَانَ اللَّهِ الْعَظِيمِ وَبِحَمْدِهِ ، وَلَا حَوْلَ وَلَا
قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ (٣ كالي)**

Manakala bacaan di bawah ini hanya diteruskan ketika membaca wirid ini selepas solat subuh sahaja:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ ، وَاهْدِنِي مِنْ
عِنْدِكَ ، وَافْضِ عَلَيَّ مِنْ فَضْلِكَ ، وَائْشِرْ عَلَيَّ مِنْ رَحْمَتِكَ ، أَنْزِلْ
عَلَيَّ مِنْ بَرَكَاتِكَ (٣ كالي)

Selepas itu, bacaan berikut ini dibaca di atas hujung sepuluh jari bagi kedua-dua tangan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ، اللَّهُمَّ إِلَيْكَ أَسْأَلُكَ وَأَتُوَجَّهُ إِلَيْكَ بِسَبِيلِكَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَبَّيِّنِ الرَّحْمَةَ يَا سَيِّدِنَا يَامُحَمَّدَ إِنِّي
أَتُوَجَّهُ بِكَ إِلَى رَبِّي أَنْ يُكْشِفَ عَنِ بَصَرِي وَبَصِيرَتِي ، اللَّهُمَّ فَشْفِعْهُ
فِي (٣٠ كالي)

Kemudiannya kesemua hujung jari tersebut disapukan ke mata sambil membaca:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ، قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ، اللَّهُ الصَّمَدُ ، لَمْ يَلِدْ
وَلَمْ يُوْلَدْ ، وَلَمْ يَكُنْ لَّهُ كُفُواً أَحَدٌ (١١ كالي)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ، الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، الرَّحْمَنِ
الرَّحِيمِ ، مَالِكِ يَوْمِ الدِّينِ ، إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ، اهْدِنَا
الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ، صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرَ الْمَغْضُوبِ
عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذْهُ سِنَةٌ وَلَا نُوْمٌ ، لَهُ مَا فِي
السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ ، مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عَنْهُ إِلَّا يَأْذِنُهُ ،
يَعْلَمُ مَا بَيْنِ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ، وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا
بِمَا شَاءَ ، وَسِعَ كُرْنِسِيَّةُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ ، وَلَا يَنُودُهُ حَفْظُهُمَا
وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ

أَمَّنَ الرَّوْسُولُ بِمَا أُنْوَلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلُّ أَمَّنَ بِاللَّهِ
وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتبِهِ وَرَسُولِهِ ، لَا تُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّنْ رُسُلِهِ ، وَقَالُوا
سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا ، غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ ، لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا
إِلَّا وُسْعَهَا ، لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ ، رَبَّنَا لَا تُؤْخِذْنَا إِنْ
نَسِيَنا أَوْ أَخْطَأَنَا ، رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَا إِصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُ عَلَى الَّذِينَ

مِنْ قَبْلِنَا ، رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ ، وَاغْفِرْ لَنَا ،
وَارْحَمْنَا أَنْتَ مَوْلَانَا فَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ

شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُو الْعِلْمِ قَائِمًا بِالْقِسْطِ ، لَا
إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

قُلْ اللَّهُمَّ مَالِكَ الْمُلْكِ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمُلْكَ مَمَّنْ
تَشَاءُ ، وَتَعْزِيزُ مَنْ تَشَاءُ وَتَذْلِيلُ مَنْ تَشَاءُ ، يَبْدِيكَ الْخَيْرَ إِلَيْكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ ، تُولِجُ اللَّيْلَ فِي النَّهَارِ وَتُولِجُ النَّهَارَ فِي اللَّيْلِ ، وَتُخْرِجُ
الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَتُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ ، وَتَرْزُقُ مَنْ تَشَاءُ بِغَيْرِ
حِسَابٍ

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنْتُمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ
بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ ، فَإِنَّ تَوَلُّوْا فَقُلْ حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ
عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ ، وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ

Dan akhirnya dibaca:

- | | |
|-------------------|-----------|
| سُبْحَانَ اللَّهِ | (٣٣ كالي) |
| الْحَمْدُ لِلَّهِ | (٣٣ كالي) |
| اللَّهُ أَكْبَرُ | (٣٣ كالي) |

(iii) *Musabba'ah al-'Asharah*³⁷

Sementara itu terdapat satu wirid lagi yang dikemukakan oleh Syeikh al-Azahari dikenali sebagai *Musabba'ah al-'Asharah* yang dibaca di antara waktu Maghrib dan Isya' serta selepas Subuh.³⁸ Bacaannya mengandungi beberapa wirid, bermula dengan *Basmalah*, *Salawāt al-'Azīmiyyah* dan *Fātiḥah al-Awrād* yang dibaca sekali sahaja dan diikuti oleh zikir-zikir yang lain. Ianya mengandungi beberapa wirid yang dibaca sama ada sekali sahaja, diulang tiga kali, empat kali, tujuh kali, dua puluh lapan kali atau seratus kali. Di samping itu, sesetengah ayatnya akan berubah berdasarkan masa ia dibaca sama ada pada waktu pagi ataupun petang seperti اللهم أصلح لي jika dibaca pada waktu pagi dan اللهم إني أصلي على واللهم إني أصلي على pada waktu petang. Wirid ini juga mengandungi doa yang dikenali sebagai doa *Yā Latīf*. Pembacaan *Musabba'ah al-'Asharah* ini diakhiri dengan *kaffārah al-majālis*.

Kesemua zikir dan wirid ini diamalkan oleh Haji Daud dan beliau telah menetapkan kepada pengikut-pengikutnya supaya mengamalkannya secara konsisten dan sistematik bagi memperolehi keberkesanannya.

Zikir *Halaqah Tarekat Ahmadiyyah* Pimpinan Haji Daud bin Haji Omar

Ikhwan Tarekat Ahmadiyyah bukan sahaja berzikir secara perseorangan tetapi juga berhimpun beramai-ramai di dalam suatu majlis untuk berzikir. Zikir ini dikenali sebagai zikir *halaqah* sebagaimana yang diasaskan oleh Syeikh Ibrāhīm al-Rashīd, peneraju kedua Tarekat Ahmadiyyah di Mesir. Pengasas tarekat ini iaitu Syeikh Ahmad ibn Idris juga telah mengiktiraf zikir *halaqah* tersebut sebagai suatu bentuk zikir yang boleh memberi kesan kepada spiritual mereka yang

³⁷ Haji Daud bin Haji Umar al-Libadi (t.thn). *Risalah al-'Aqai'id wa al-Fawā'id*, op.cit., hlm. 120-129.

³⁸ Syeikh Daud 'Abdullah al-Patani (t.thn), *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'iq*, t.tpt: t. p., hlm. 269.

menyertainya secara iltizam. Zikir³⁹ ini boleh dilaksanakan sama ada di surau,⁴⁰ masjid, rumah atau pun balaisah.⁴¹

Haji Daud mempunyai metode tersendiri dalam mengendalikan zikir *halaqah* tersebut. Pada kebiasaannya, semasa zikir *halaqah* dilaksanakan, syeikh tarekat bagi kumpulan tersebut adalah orang yang menerajui majlis itu dengan dibantu oleh orang-orang kanannya. Susunan duduk sesuatu majlis *halaqah* berbeza di antara suatu kumpulan dengan kumpulan yang lain. Di Bukit Abal, zikir *halaqah* Tarekat Ahmadiyyah yang dipimpin oleh Haji Daud ini biasanya, lebih berbentuk lingkungan berkeliling empat persegi bersesuaian dengan masjidnya di Bukit Abal itu. Syeikh tarekat akan duduk di hujung penjuru kanan dan di sebelah kirinya pula terdiri daripada *ikhwān* tarekat yang kanan. Sementara tiga sempadan lainnya diduduki oleh para *ikhwān* yang lain. Di bahagian kiri masjidnya terdapat sebuah ruang yang lebih kecil untuk para *ikhwān* wanita supaya mereka dapat turut sama berzikir. Satu pemidang yang diperbuat daripada kain dan kayu digunakan untuk memisahkan kedua-dua ruang tersebut. Oleh itu tidak

³⁹ Walau bagaimanapun, mereka lebih mengutamakan penggunaan surau sebagai pusat kegiatan mereka kerana masjid merupakan suatu tempat umum yang sentiasa dikunjungi oleh masyarakat tempatan dan luaran. Untuk tidak menganggu orang ramai, syeikh-syeikh tarekat selalunya melarang pengikut-pengikutnya mengadakan *halaqah* ini di masjid-masjid, melainkan sekiranya penduduk kawasan persekitaran masjid itu kebanyakannya terdiri daripada *ikhwān* tarekat serta telah memperolehi keizinan mereka untuk menjadikan masjid tersebut sebagai pusat aktiviti tarekat seperti Masjid Bukit Abal ini, Masjid Rembau dan Masjid Penajis, di Negeri Sembilan.

⁴⁰ Surau ialah tempat ibadat yang biasanya lebih kecil daripada masjid. Pada kebiasaannya ia dibuat daripada campuran kayu dan simen. Lihat R.A. Kern (1956), *The Origin Of The Malay Surau*, JMBRAS, Jil. 29, Bahagian I, hlm. 180.

⁴¹ Balaisah ialah tempat beribadah yang lebih kecil daripada surau. Masyarakat Kelantan menyebutnya balaisah yang berasal dari kata "balai" yang bermaksud rumah atau bangunan, sementara kata "sah" pula berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud diakui kebenarannya. Oleh yang demikian, balaisah bererti tempat yang diakui sah sebagai tempat ibadah. Lihat Hamdan Hassan (1990), *op.cit.*, nota kaki no. 138, hlm. 154.

timbul persoalan percampuran antara lelaki dan wanita di dalam majlis *halaqah* tersebut.

Ketika majlis zikir dijalankan, syeikh dan *ikhwān* kanan akan bernasyid, bersyair dan berqasidah beramai-ramai dengan diiringi oleh suara-suara zikir daripada *ikhwān* yang lain. Suatu bentuk irama yang menarik akan dapat didengar dari gabungan suara nasyid dengan irungan suara zikir sehingga lama-kelamaan rentak yang perlahan berubah menjadi semakin cepat tetapi masih dalam keadaan kemas dan teratur. Mereka akan terus bernasyid dan berzikir dari satu nasyid dan zikir ke satu nasyid dan zikir yang lain sehingga tamat.

Setiap majlis zikir Tarekat Ahmadiyyah dimulai dengan bacaan *Fātiḥah al-Awrād*, diikuti dengan *al-Šalawāt al-‘Azīmiyyah* dan *al-Istighfār al-Kabīr*. Kemudian syeikh akan menghadiahkan pahala al-Fātiḥah kepada Rasulullah s.a.w., Syeikh Ahmad ibn Idris dan para syeikh *murshid* yang lain, para auliya', kaum keluarga Rasulullah s.a.w. dan seluruh para Muslimin. Selepas itu barulah syeikh memulakan zikir daripada awal hingga ke akhirnya. Semasa majlis zikir dilaksanakan, kumpulan Haji Daud ini berzikir dalam suasana terang benderang seperti biasa. Semua tingkah laku dan perbuatan syeikh serta *ikhwān* di dalam majlis zikir dapat dilihat dengan jelas. Walau bagaimanapun, pada kebiasaananya Haji Daud akan menyuruh *ikhwānnya* supaya memejamkan mata mereka ketika berzikir supaya dapat memberi penumpuan yang sepenuhnya.⁴²

Haji Daud bin Omar dan Karamah, *Kashf* serta *Jadhbah*

Pada masa sekarang, *karamah* semakin kurang diperkatakan kerana semakin kurangnya mereka yang memperolehnya. Perkara ini berlaku kerana para sahabat Rasulullah s.a.w. dan para auliya' terdahulu mempunyai kejituan iman yang tinggi dan kuat beribadah kepada Allah Taala. Sebaliknya mereka yang hidup selepas golongan ini memiliki iman yang lemah dan kurang memberi penumpuan kepada amal

⁴² Wawancara dengan Muhammad Ridha bin Haji Daud pada 29 Ogos 1989.

ibadah.⁴³ Walau bagaimanapun, kesan daripada kealiman dan kekuatan ibadah Haji Daud Bukit Abal terhadap Allah Taala, diceritakan bahawa beliau juga dikatakan telah dikurniakan beberapa *karamah*, antaranya pernah terjadi seorang murid beliau yang pergi mengerjakan haji di Mekah membawa balik serbannya yang tertinggal di sana, sedangkan beliau dari segi fizikalnya tidak ke Mekah pada tahun tersebut.⁴⁴

Selain itu, Haji Daud turut memperolehi *kashf* hasil dari penghayatannya terhadap ajaran dan latihan kerohanian yang dijalannya. Dalam hal ini, beliau dikatakan mampu menyelesaikan banyak persoalan dan permasalahan *ikhwān*nya terutama berkaitan dengan kerohanian. Hasil dari pengalaman *kashfnya* juga, beliau berjaya mengemukakan pandangan yang bernas dan menarik yang kemudiannya dibukukan dalam sebuah siri risalah yang dikenali sebagai *Siri Risalah Tasawwuf*. Risalah ini mengandungi perbincangan tentang ilmu tasawuf seperti “martabah tujuh”, “alam malakut”, ‘ayn al-*bāṣar* dan lain-lain lagi. Beliau juga menyusun beberapa bacaan zikir seperti *Wirid 700* berdasarkan pengalaman dan *kashfnya* sendiri tentang kelebihan dan keberkesaan zikir tersebut.⁴⁵

Berkenaan *jadhbah* yang banyak diperkatakan oleh golongan sufi, Haji Daud dan pengikutnya termasuk anaknya sendiri iaitu Haji Muhammad Ridha mempunyai pandangan tersendiri mengenainya. Mereka berpendapat, seseorang *sālik* tidak perlu mengalami *jadhbah* ketika menjalani proses penyucian hati kerana ditakuti akan menimbulkan fitnah terhadap individu itu sendiri dan juga terhadap kumpulan tarekatnya.⁴⁶ Pada pandangan mereka,

⁴³ ‘Abd al-Wahhāb ibn Alīmad ibn ‘Alī al-Anṣārī al-Shā’rānī (t.thn.), *Tabaqāt al-Kubrā*, Beirut: Dār al-Fikr, hlm. 15; Yūsuf Mūsā (1966), *al-Madkhāl ilā Dirāsah al-Fiqh al-Islāmī*, Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabi, hlm. 255.

⁴⁴ Wawancara dengan Haji Sa’ari Hussain pada 2 Jun 2005.

⁴⁵ Wawancara dengan Ustaz Mustapha bin Muhammad al-Jiasi pada 29 Disember 1992.

⁴⁶ Pandangan ini berbeza dengan kumpulan Tarekat Ahmadiyyah yang lain di Malaysia. Lihat Che Zarrina Sa’ari (1993), *op.cit.*, hlm. 302-303.

jadhbah hanya menimbulkan masalah sama ada kepada individu dan juga masyarakat setempat.⁴⁷ Misalannya bagi seseorang individu yang mengalami *jadhbah*, dikhawatirinya mereka akan memasuki alam malakut yang dipenuhi pelbagai perkara ghaib dan ajaib yang akan menyesatkan mereka dan menjadikan mereka kufur. Dari sudut masyarakat pula, pelbagai fitnah akan timbul hasil daripada kelakuan dan ucapan-ucapan yang dikeluarkan oleh seorang yang *majdhub* kerana masyarakat tidak dapat memahami kejadian yang sedang berlaku itu. Oleh yang demikian, Haji Daud tidak mahu mengambil risiko yang berbahaya, lalu *ikhwān*nya tidak digalakkan untuk memperolehi *jadhbah*.

Sikap dan pandangan tersebut timbul boleh dilihat sebagai hasil daripada pendidikan dan ajaran yang dibawa oleh Syeikh al-Azahari yang menolak *jadhbah*. Apabila seseorang yang turut serta dalam zikir *halaqah* pimpinan beliau hampir-hampir mengalami *jadhbah*, beliau segera membunyikan “sis” lalu orang itu menjadi normal kembali. Walau bagaimanapun Haji Muhammad Ridha, menyetujui pendapat yang mengatakan tarikan *jadhbah* akan mempercepatkan lagi perjalanan seseorang ahli tarekat untuk sampai ke hadrat Allah S.W.T.⁴⁸

Selepas Peninggalan Haji Daud bin Omar

Selepas kematian Haji Daud pada tahun 1975, satu jawatan-kuasa yang dikenali sebagai Jemaah Pengurus *ikhwān* Tarekat Ahmadiyyah telah ditubuhkan bagi membukukan semua ajaran dan ucapan Haji Daud. Pada masa itu, Haji Muhammad Ridha, anak sulung Haji Daud yang ketika itu berusia tiga puluh tahun telah mengambil alih kepimpinan Tarekat Ahmadiyyah dan sehingga kini tarekat tersebut masih di bawah pemimpin beliau.⁴⁹ Zikir *halaqah* yang

⁴⁷ Wawancara dengan Muhammad Ridha bin Haji Daud pada 29 Ogos 1989.

⁴⁸ *Ibid.*

⁴⁹ Beliau terus memimpin tarekat tersebut sehingga kini iaitu tahun 2007. Observasi yang dilakukan pada 16 Disember 2007.

diperkenalkan oleh bapa beliau masih diteruskan lagi, dan begitu juga dengan segala amalan yang lain.⁵⁰ Menurut beliau, pada akhir tahun 1980an dan awal 1990an, pengikut Tarekat Ahmadiyyah semakin bertambah dan dianggarkan orang yang hadir pada setiap malam Jumaat adalah antara dua ratus hingga tiga ratus orang. Namun, pada awal tahun-tahun 2000an ini, bilangan yang menghadiri majlis zikir tersebut adalah tidak menentu mengikut masa.

Bagi *ikhwān* Bukit Abal ini, selain dari mengadakan majlis zikir *ḥalaqah* di setiap malam Jumaat, mereka turut mengadakan majlis *ḥawl* yang bertujuan untuk memperingati tarikh-tarikh kematian syeikh *murshid* Tarekat Ahmadiyyah iaitu Syeikh Ahmad ibn Idris, Syeikh Ibrāhīm al-Rashīd, Syeikh Muhammad ibn Ahmad al-Dandarāwī dan lain-lain.⁵¹ Selain dari memperingati tarikh kematian ketiga-tiga tokoh tarekat tersebut, mereka juga mengadakan *ḥawl* untuk memperingati Syeikh Abu Hasan al-Azahari yang dikatakan meninggal pada tahun 1358H/1939M di Kota Mekah. Dan apabila Haji Daud pula meninggal pada tahun 1975, majlis *ḥawl* juga diadakan untuk memperingati tarikh tersebut.

Majlis *ḥawl* yang diadakan oleh kumpulan Bukit Abal tidak banyak berbeza dengan majlis-majlis zikir yang dilaksanakan pada setiap minggu. Menurut Haji Muhammad Ridha tiada persiapan-persiapan tertentu untuk menyambut majlis *ḥawl* tersebut. Mereka tidak mengadakan majlis secara besar-besaran ataupun mendirikan khemah-khemah untuk para *ikhwān* yang menghadiri majlis *ḥawl* kerana bilangan mereka adalah lebih kurang sama dengan bilangan yang hadir berzikir di setiap minggu. Oleh itu tiada keistimewaan yang dibuat oleh kumpulan Bukit Abal bagi menyambut majlis *ḥawl* tersebut.⁵²

Majlis sederhana ini biasanya berlangsung selama satu setengah hingga dua jam lamanya. Ia diadakan selepas solat Maghrib dan berakhir dengan solat Isya' berjemaah. Majlis

⁵⁰ *Ibid.*

⁵¹ Wawancara dengan Haji Muhammad Ridha pada 30 Ogos 1989 dan Haji Sa'ari bin Hussain pada 2 Januari 2005.

⁵² Wawancara dengan Imam Haji Muhammad 29 Ogos 1989 yang kini telahpun meninggal dunia.

ini biasanya dipimpin oleh syeikh tarekat itu sendiri yang memulakannya dengan bercerita tentang perjalanan Tarekat Ahmadiyyah sambil memberi penekanan kepada kisah tokoh yang ditujukan, misalannya kisah Haji Daud apabila majlis *hawl* yang diadakan itu adalah untuk beliau. Selepas itu, majlis zikir akan berlangsung sebagaimana majlis zikir yang lain. Apabila selesai berzikir, mereka menunaikan solat Isya' berjemaah dengan diimami oleh syeikh yang menerajui majlis *hawl* tersebut. Selepas itu, mereka berjamu selera dengan hidangan ringkas. Keadaan sambutan majlis *hawl* untuk memperingati tokoh-tokoh peneraju Tarekat Ahmadiyyah yang meninggal dunia termasuk Haji Daud masih diteruskan sehingga kini.

Dari aspek penyebaran Tarekat Ahmadiyyah sepeninggalan Haji Daud pula, terdapat beberapa orang murid beliau yang membuka majlis zikir Tarekat Ahmadiyyah di tempat masing-masing. Mereka adalah Syeikh Hassan dari Kampung Machang, Pak Ngah Awang dari Kampung Pek, Batu 30, Haji Awang Padang dari Kampung Kolam dan Muhammad Yamin dari Ketereh. Walau bagaimanapun, ada pendapat yang mengatakan ke semua murid Haji Daud yang membuka majlis zikir *halaqah* di tempat masing-masing itu tidak memperolehi keizinan daripada beliau.⁵³

Kesimpulan

Hasil pembentangan berkenaan tokoh sufi Kelantan yang terkenal pada tahun-tahun 70an dahulu menunjukkan bahawa jasa Haji Daud bin Haji Omar al-Libadi Bukit Abal atau juga dikenal sebagai Haji Daud Bukit atau pun Tok Guru Haji Daud adalah besar. Boleh dikatakan bahawa beliau adalah salah seorang yang bertanggung jawab mengembangkan Tarekat Ahmadiyyah di Kelantan yang mana pusat kegiatannya masih kekal sehingga sekarang di samping cawangan lain yang dibuka oleh anak-anak

⁵³ Wawancara dengan Ustaz Mustapha Muhammad al-Jiasi pada 30 Ogos 1989.

muridnya. Amalan-amalan zikir yang diperkenalkannya kepada masyarakat masih juga diamalkan dan manfaatnya dikutip oleh generasi sekarang yang berminat dengan pemikiran dan amalan kaum sufi.